



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA

# SIARAN MEDIA

## HARI TERBUKA SPA@PERAK TERUS TINGKAT KESEDARAN DAN KEFAHAMAN KUMPULAN SASAR DI ZON UTARA

**IPOH, 17 Ogos 2024** – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah mengadakan Hari Terbuka SPA@Perak bertempat di Pusat Konvensyen Ipoh (ICC), Ipoh, Perak pada hari ini. Dalam program tersebut, YBhg. Dato' Seri Dr. Ahmad Jailani Bin Muhamed Yunus, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) telah mengadakan sesi walkabout bersama-sama Pengurusan Tertinggi SPA.

Hari Terbuka SPA@Perak merupakan sebuah program anjuran SPA bersifat *outreach* yang dirangka bertepatan dengan Strategi 3 (Peningkatan Kesedaran dan Kefahaman Kumpulan Sasar) di bawah Teras Keempat (Memperkasa Tadbir Urus Ke Arah Kecemerlangan Organisasi), Pelan Strategik SPA Tahun 2023-2025. Ia meliputi kelompok golongan sasaran seperti belia dan pemohon pekerjaan yang berada di Zon Utara iaitu Perak, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

Program ini diadakan bertujuan meningkatkan kesedaran serta kefahaman tentang kaedah permohonan ke perkhidmatan awam. Ia turut menghubungkan golongan sasaran kepada SPA secara langsung terutama bagi mereka yang mempunyai kekangan akses secara fizikal atau kemudahan internet. Dengan sasaran kehadiran pengunjung seramai 3,000 orang, Hari Terbuka SPA@Perak menyediakan perkhidmatan konsultasi SPA seperti khidmat nasihat berkaitan pengambilan ke perkhidmatan awam, kesesuaian jawatan yang dimohon, semakan status permohonan, pendaftaran dalam Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (Sistem SPA9) serta simulasi temu duga secara fizikal. Selain itu, turut diadakan sesi Taklimat Perkongsian Tips Menghadiri Temu Duga oleh Ahli Suruhanjaya, Taklimat Panduan Mengisi Sistem SPA9, Taklimat Memasuki Perkhidmatan Awam dan Taklimat Ujian Psikometrik.

Hari Terbuka SPA@Perak turut melibatkan pempamer yang terdiri daripada Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang lain, kementerian, jabatan dan agensi seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Negeri Perak, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP), Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). Justeru, program ini merupakan platform memperkukuh strategi dalam menyebarkan maklumat perkhidmatan SPA dan rakan strategik pempamer yang terlibat bagi memastikan penyampaian berkesan kepada masyarakat.

Menurut YBhg. Dato' Seri Dr. Pengerusi, "Pelaksanaan program yang bersifat turun padang (*engaging*) ini merupakan usaha proaktif SPA untuk mendekati masyarakat di lapangan secara bersemuka. Ia selari dengan misi SPA dalam melantik penjawat awam yang berintegriti dan kompeten melalui penilaian yang holistik dan melaksanakan urusan perkhidmatan penjawat awam secara cekap dan berkesan." Dalam pada itu, YBhg. Dato' Seri Dr. Pengerusi juga telah menyampaikan sijil penghargaan kepada pempamer jemputan yang terlibat dalam Hari Terbuka SPA@Perak sewaktu meninjau ke reruai-reruai pameran.

SPA juga sedang memperluas program outreach ke seluruh pelosok negara untuk memberikan penerangan kepada masyarakat berhubung peluang kerjaya di dalam perkhidmatan awam, terutamanya di kawasan-kawasan yang masih mempunyai capaian internet yang terbatas. Bagi tahun 2024, sehingga kini SPA telah melaksanakan sebanyak 43 program *outreach* seluruh negara yang telah memanfaatkan sebanyak 4,975 orang pengunjung bagi mendapatkan pelbagai perkhidmatan yang disediakan oleh SPA. Bagi tahun 2023 pula, SPA telah menerima sebanyak 1.19 juta bilangan permohonan dan dijangka akan terus meningkat pada tahun ini.

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**  
**17 OGOS 2024**